

**NO. SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**[SIPITANG]**  
**TARIKH : 6.11.2017**

**Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan trend dan jumlah pengguna yang membeli-belah dalam talian (online shopping) serta nisbah antara pengguna di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan apakah langkah-langkah diambil untuk mengelakkan penipuan dalam kalangan pengguna.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga 30 September 2017, sebanyak **59,179** perniagaan telah didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menjalankan perniagaan dalam talian (*online*) berbanding pada tahun 2016 iaitu sebanyak 43,382 perniagaan. Peningkatan bilangan ini menunjukkan *trend* yang selari dengan perkembangan bilangan pengguna *online* di Malaysia iaitu sebanyak 24.1 juta. Nisbah antara pengguna *online* ialah lima (5) pengguna di Semenanjung Malaysia kepada satu (1) pengguna di Sabah dan Sarawak (**5:1**).

Sebagai langkah untuk mengelakkan penipuan pengguna *online* di Malaysia, Kementerian telah memperkenalkan **Akta Perdagangan Elektronik 2006** dan **Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012**. Semua perniagaan *online* turut **diwajibkan** untuk berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.

Pihak Kementerian melaksanakan **langkah-langkah kawalan terhadap laman perniagaan *online*** seperti berikut:

- i) Menggalakkan peniaga online bagi mendapatkan **pensijilan SSM BizTrust**;
- ii) Mewujudkan satu **pasukan khas** bagi pemantauan secara **proaktif** dan tindakan secara **responsif** ke atas aktiviti *online*;
- iii) Menjalankan **naziran dan bekerjasama dengan** pengendali tapak pasar dalam talian (*online marketplace operator*); dan

- iv) **Berkerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan CyberSecurity Malaysia.**